

02/10/2003

Langkawi mampu jadi syurga pelayaran

Norbakti Alias; Wan Jailani Razak; Suffian A Bakar

LANGKAWI: Kewujudan pusat membaiki dan servis kapal layar di Langkawi boleh membantu menjadikan pulau pelancongan itu sebagai syurga pelayaran, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ini kerana, katanya, kerajaan mendapati pulau itu sesuai dibangunkan menjadi pusat pelayaran berikutan pembangunan pesat yang dialami di Langkawi.

Namun, beliau berkata, sebelum dapat menjadi pusat pelayaran, Langkawi perlu mempunyai kemudahan seperti marina serta perkhidmatan membaiki dan servis.

"Apabila kapal layar mula datang ke sini, ada permintaan untuk kemudahan membaiki dan servis. Syarikat Business Focus mempunyai kemampuan untuk menyediakan perkhidmatan itu.

"Mereka (Business Focus) sudah menunjukkan perkembangan yang baik berbanding apabila mereka menampilkan sebuah bot kecil berukuran 24 kaki (8 meter) yang saya boleh katakan teruk sehingga saya membuat kritikan yang pedas.

"Bagaimanapun, ia bangkit daripada Lima pertama dan selepas lebih 10 tahun ia sudah mampu membina kapal perang, friget, kapal ronda pesisir pantai dan apa saja yang berkaitan perkapalan," katanya ketika merasmikan Pusat Kapal Layar Langkawi Wavemaster Sdn Bhd (WMLYC), di Tanjung Lembung, di sini, malam tadi.

Perdana Menteri yakin pelayar akan mendapati kemudahan yang disediakan di Langkawi berguna untuk mereka.

Beliau berkata dalam jangka masa singkat Business Focus sudah membaiki 140 bot pelbagai jenis, sekali gus membuktikan kemampuannya.

"Ia adalah jawapan untuk usaha kerajaan membangunkan Langkawi," katanya.

Dr Mahathir berkata, kerajaan juga berharap syarikat itu akan berdaya maju kerana kerajaan menganggap usahawan sebagai rakan niaga.

Ini kerana, katanya, setiap kali sesebuah syarikat mendapat keuntungan, 28 peratus adalah milik kerajaan walaupun jika ia diadakan di pulau bebas cukai ini.

"Walaupun Langkawi adalah pulau bebas cukai, cukai korporat dan cukai pendapatan masih perlu dibayar," katanya.

Terdahulu, Pengerusi Eksekutif Kumpulan Business Focus, Tan Sri Amin Shah Omar Shah, berkata WMLYC adalah tambahan terbaru kepada kemudahan perkapalan yang banyak dimiliki syarikatnya.

Katanya, pusat itu yang memulakan operasi tahun lalu bukan saja dibina untuk menyediakan kemudahan bagi penyenggara kapal layar daripada pelbagai saiz tetapi juga membinanya.

"Sehingga kini, ia sudah menyediakan perkhidmatan penyenggaraan kepada lebih 140 kapal termasuk kapal layar, feri cepat dan feri tempatan.

"Walaupun kerja penyenggaraan hanya kecil, pertambahan dalam kehadiran kapal yang mendapatkan perkhidmatan di sini dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun ini membuktikan kewujudannya kini mendapat pengiktirafan daripada masyarakat pelayar antarabangsa," katanya.